

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE 15  
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 29-06-1992

Saudari Pengerusi yang dikasihi; Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail, Timbalan Menteri Pengangkutan; Yang Amat Berbahagia Tun-Tun dan Toh Puan-Toh Puan; Yang Berbahagia Wakil dari Tetuan Hanafiah dan Roslan; Yang dikasihi Ahli-ahli BAKTI dan Ahli-ahli Bersekutu.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya ingin lafazkan kesyukuran kita ke hadrat Illahi terlebih dahulu kerana dengan limpah kurniaNya sahaja dapat kita berkumpul di sini untuk Majlis Perasmian Mesyuarat Agung BAKTI pada hari ini.

2. Bersyukur juga kita kerana dengan izin dan taufik dan hidayahNya BAKTI dapat sampai ke usia 15 tahun dengan keadaan sihat walafiat daripada segi keahliannya, kedudukan kewangannya dan kegiatannya terhadap masyarakat. Semoga BAKTI dapat hidup berterusan sedemikian rupa menjelang abad ke 21.

3. Bagi pihak semua ahli dan diri saya, saya ucapkan selamat datang kepada tetamu kehormat BAKTI, Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail yang sudi menerima jemputan BAKTI kali ini untuk merasmikan Mesyuarat Agung kita. Yang Berhormat tidak terasing dari BAKTI dan masyarakat negara kerana penglibatan beliau dalam bidang politik, hal ehwal wanita dan kanak-kanak di dalam negara dan di dunia antarabangsa.

4. Dengan kelulusan B.A. Honours dalam Ekonomi dan Pengajian Melayu dari Universiti Malaya, Datin Paduka telah pernah memegang jawatan-jawatan Pensyarah dan Tutor Sambilan di Universiti Malaya dan sebagai Timbalan Ketua Bahagian Buku Pelajaran Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum berkecimpung penuh dalam politik Negeri Selangor dan Negara.

5. Yang Berhormat mula melibatkan diri dalam politik sejak tahun 1963 sebagai ahli UMNO Cawangan Gombak Setia. Dari situ beliau menapak ke jawatan-jawatan dalam Wanita UMNO peringkat cawangan dan bahagian hinggalah ke jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Selayang pada 1987 hinggalah ke hari ini.

6. Di peringkat kebangsaan pula, Yang Berhormat Datin Paduka telah dipilih menyertai M.K.T. UMNO pada 1978 dan memegang jawatan Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia dari 1982 dan Ketua Penerangan Wanita UMNO Malaysia sejak 1984 hinggalah kini. Tidaklah hairan kita Yang Berhormat dipilih dan dilantik sebagai ADUN Selangor pada 1978-84 dan akhirnya sebagai Ahli Dewan Rakyat Kawasan Selayang dalam pilihanraya 1986 dan 1990.

7. Bermula sebagai Setiausaha Politik di Kementerian Kebajikan Am pada 1974, Yang Berhormat diberi pula jawatan di Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah sebagai Setiausaha Parlimen pada 1986 sebelum dilantik ke jawatan beliau sekarang sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan pada bulan Mei 1987.

8. Kegiatan politik tidak menghalang Yang Berhormat Datin Paduka berkecimpung pula dalam hal-hal kemasyarakatan di dalam Negeri, Negara dan Antarabangsa. Terkenal sebagai pemimpin Wanita yang intelektual dan berpandangan luas, bertanggungjawab dan praktikal, Yang Berhormat telah menjadi ahli dalam beberapa badan sosial dan sukarela, khasnya yang berkaitan dengan hal ehwal wanita dan kanak-kanak. Yang Berhormat adalah YDP Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), YDP Majlis Kebangsaan Kanak-kanak Malaysia, dan beliau pernah menjadi Presiden ACWO selama dua tahun tetapi sekarang dilantik sebagai Bendaharinya, Ahli seumur hidup PEMADAM, Pertiwi, Perkumpulan Perempuan dan ahli dalam berbagai-bagai lagi badan sukarela wanita.

9. Dalam kesibukan beliau untuk menyelesaikan masalah-masalah kenderaan dan lalu lintas dan

lain-lain lagi Yang Berhormat dapat juga meluangkan masa emas beliau untuk menghormati BAKTI pada hari ini dengan menghadiri dalam Majlis yang bersejarah ini.

Yang Berhormat dan para hadirin,

10. Dengan BAKTI meraikan usianya yang ke-15 tahun pada 16 Mei 1992, terbukti bahawa penubuhan BAKTI pada 1977 tidak sia-sia sahaja. Sejak tahun 1980an di mana keahlian di buka kepada isteri bekas-bekas Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, dan kedudukan wang meningkat kepada paras yang memuaskan dan membanggakan, BAKTI telah memperluaskan khidmat kebajikannya kepada murid-murid sekolah dan universiti secara teratur, selain pada biasa yang diberi kepada golongan-golongan yang tertentu baik individu, institusi atau badan-badan sukarela seluruh negara. Matlamat-matlamat asas diperkukuhkan sebagai dasar supaya cara-cara penyaluran atau pengagihan derma BAKTI tidak lari daripada landasan asasnya. Alhamdulillah, dengan adanya Jawatankuasa Tadbir dan Jawatankuasa Kecil yang cergas dan bertanggungjawab, tugas-tugas saya sebagai Yang Di-Pertua sejak tahun 1981 amatlah ringan. Keputusan- keputusan untuk sesuatu tindakan dilakukan secara kolektif setelah puas dibincang, khasnya yang mengenai perbelanjaan wang.

11. Kini, BAKTI mempunyai tiga tabung iaitu Tabung Kebajikan, Tabung Dermasiswa yang dikelolakan oleh JKK berkenaan dan Tabung Kebajikan BAKTI di universiti- universiti yang dikelolakan oleh pihak universiti sendiri.

Setakat ini Alhamdulillah, sambutan daripada pihak firma- firma, badan-badan korporat dan perseorangan amatlah memuaskan dan kerana inilah BAKTI dapat membantu golongan- golongan yang tertentu.

12. Sebagai salah satu acara perayaan ulangtahun ke-15 tahun ini, BAKTI akan menyampaikan derma kepada masyarakat dan institusi dalam negara, pada 8 Julai 1992 dan diikuti dengan satu majlis makan amal pada 12 Julai 1992 untuk mengisi semula tabung-tabung BAKTI. Saya berharap semoga kepercayaan dan keyakinan para penderma dan rakan-rakan terhadap BAKTI akan sentiasa berterusan seperti masa lalu supaya BAKTI dapat terus menjalankan kegiatan kebajikannya dengan baik.

13. Mengenai kegiatan-kegiatan BAKTI yang lain, ahli-ahli telah mengambil bahagian dalam berbagai-bagai aktiviti kebudayaan, pendidikan dan sukan untuk meninggikan lagi pengetahuan dan pembangunan diri sendiri.

14. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ahli yang terlibat dalam persediaan majlis perasmian ini daripada segi pentadbirannya dan hidangan juadahnya sehingga majlis ini dapat berjalan dengan licin dan sempurna.

15. Sekali lagi saya ucapkan penghargaan tinggi dan terima kasih kepada Y.B. Datin Paduka Zaleha yang telah memberi kehormatan dan kebanggaan kepada BAKTI dengan kehadiran beliau bersama kita hari ini. Diharap Y.B. akan memberi kata-kata nasihat kepada BAKTI untuk memperbaiki lagi usaha BAKTI.

Sekian, wassalamualaikum.

\*\*\*\*\*